

BANTUAN IPT BIDANG AGAMA

OBJEKTIF

Menggalakkan pengajian Bidang Agama dan membantu meringankan beban kewangan kepada para pelajar Islam yang menuntut di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian dalam dan luar negara dalam bidang agama selain di Timur Tengah untuk pengajian peringkat Pra, Asasi, Sijil, Kursus, Matrikulasi, Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD.

KEKERAPAN

Kelayakan kekerapan:

1. Setiap tahun tertakluk kepada adanya permohonan.
2. Kekerapan permohonan berulang terhad kepada peringkat pengajian seperti berikut :-

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	MAKSIMUM
1	Pengajian peringkat Kursus 6 bulan ke atas (Kursus Bahasa Arab)	Maksimum 1 kali sahaja
2	Pengajian peringkat Pra/Asasi dan Matrikulasi (6 Bulan ke atas)	Maksimum 2 kali sahaja
3	Pengajian peringkat Diploma	Maksimum 3 kali sahaja
4	Pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda	Maksimum 4 kali sahaja
5	Pengajian peringkat Sarjana	Maksimum 2 kali sahaja
6	Pengajian peringkat PHD	Maksimum 4 kali sahaja

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pelajar Islam Sarawak atau Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak sahaja.
2. Telah menerima surat tawaran atau disahkan masih menuntut di Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian tersebut oleh pihak yang berkenaan sewaktu menghantar permohonan.
3. Mengikuti pengajian secara sepenuh masa.
4. Institusi pengajian hendaklah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau mendapat surat sokongan daripihak Kedutaan Malaysia.
5. Bantuan tidak diberi kepada pemohon yang ada menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan dari majikan (separuh atau lebih gaji sebulan).
6. Bagi pemohon yang bekerja yang tidak menerima pendapatan atau sokongan kewangan bulanan daripada majikan hendaklah mengemukakan surat rasmi daripada majikan.
7. Permohonan dan dokumen hendaklah dihantar dalam tempoh 180 hari (6 bulan) termasuk hari Sabtu, Ahad & Cuti Umum dari tarikh pendaftaran pengajian.

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Dokumen asas.
2. Surat tawaran.
3. Surat pengesahan dari Institusi Pengajian Tinggi dan pusat pengajian.
4. Bagi permohonan berulang hendaklah menyertakan Slip Keputusan Peperiksaan terkini sebagai contoh tahun kedua (Keputusan semester 1 dan 2 atau 3) serta borang perakuan pelajar dari pusat pengajian menggunakan format yang disediakan.
5. Bagi pembayaran melalui akaun pihak ketiga, hendaklah menggunakan Borang Kebenaran Akaun Pihak Ketiga.